

Jun Hoong yakin proses pemulihan positif

Harap tahun depan bebas kecederaan

FOKUS utama ratu terjun negara, Cheong Jun Hoong bagi tahun depan ialah bebas daripada kecederaan, sekali gus mempamerkan aksi yang terbaik di temasya Sukan Komanwel dan Sukan Asia 2018.

Penerjun berusia 27 tahun dari Perak itu yang dibelenggu kecederaan bahagian belakang badan berkata, dia akan cuba sedaya upaya untuk meneruskan prestasi cemerlang selepas menjadi penerjun pertama Malaysia meraih gelaran dunia.

“Sekarang saya sedang menjalani proses pemulihan. Sasaran utama untuk tahun depan ialah bebas daripada kecederaan. Kalau nak kata bebas kecederaan sepenuhnya adalah mustahil, tetapi sekurang-kurangnya berharap masih

boleh beraksi tanpa gangguan.

“Kalau sekurang-kurangnya boleh lompat dan terjun, ia sudah cukup. Bagi tahun depan, tak kira apa pertandingan, saya akan berikan yang terbaik,” katanya kepada pemberita selepas majlis Anugerah dan Jamuan Malam MOM ke-24 di Kuala Lumpur kelmarin.

Jun Hoong terdahulu menerima pingat dan hadiah wang tunai RM10,000 bersama Pandelela Rinong selepas dinobatkan sebagai Olimpian Wanita 2016 Majlis Olimpik Malaysia (MOM), atas kejayaan pasangan itu meraih pingat perak Sukan Olimpik Rio tahun lalu.

Pelajar jurusan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) itu juga tidak mahu memandang rendah cabaran negara lain pada Sukan Komanwel

Gold Coast, Australia pada April dan Sukan Asia Jakarta dan Palembang pada Ogos tahun depan walaupun bergelar juara dunia.

“Walaupun telah menjadi juara dunia, ia tidak bermaksud boleh meraih emas di Sukan Komanwel dan Asia dengan mudah kerana setiap kejohanan adalah permulaan yang baharu. Bukan senang untuk meraih emas kerana kedua-dua temasya ini mempunyai peserta yang kuat, terutamanya peserta China di Sukan Asia,” katanya.

Beliau muncul juara dunia selepas menamatkan dominasi China untuk meraih pingat emas pertama negara di Kejohanan Akuatik Dunia dalam acara 10m platform di Budapest, Hungary pada Julai lepas. — Bernama

JUN HOONG sedang menjalani proses pemulihan akibat kecederaan bahagian belakang badan.

